


poplook

## Pusat Simpanan Vaksin akan dikawal ketat oleh polis, tentera

Hasimi Muhamad

Februari 17, 2021 14:10 MYT



Malaysia akan menerima bekalan vaksin daripada syarikat vaksin Pfizer-BioNTech pada 21 Februari ini. - Gambar REUTERS

**PUTRAJAYA:** Kerajaan memberi jaminan bahawa kawalan ketat akan dilakukan untuk memastikan simpanan bekalan vaksin berada dalam keadaan selamat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, pasukan keselamatan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah diarahkan untuk mengawal Pusat Simpanan Vaksin (PSV).

### Berita Berkaitan

[Lagi](#)

MALAYSIA

0:55

**Banteras Rasuah |  
Pemimpin parti  
politik ditahan, SPRM  
rampas wang**

Selain itu, kawalan akan turut dilakukan ketika proses penghantaran vaksin di kawasan-kawasan di seluruh negara.

“Saya juga telah mendapat persetujuan daripada Menteri Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menghantar polis dan ATM untuk menjaga PSV. Saya percaya polis dan ATM akan membantu bukan hanya di PSV tetapi juga dalam kita menghantar konvoi-konvoi ke seluruh negara.

“Dalam tempoh ini, (kita percaya) vaksin akan menjadi barang yang sangat bernilai,” katanya dalam sidang media Penyelarasan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) di sini, pada Rabu.

Beliau berkata ketika menjawab pertanyaan apakah terdapat mekanisme khusus untuk memastikan dos vaksin tidak dicuri atau dijual secara tidak sah.

Malaysia akan menerima bekalan vaksin daripada syarikat vaksin Pfizer-BioNTech pada 21 Februari ini.

Baca [di sini](#) perkembangan vaksin COVID-19.

[#kawalan ketat](#) [#vaksin](#) [#polis](#) [#Angkatan Tentera Malaysia](#)  
[#PDRM](#) [#dos suntikan](#) [#Pfizer-BioNTech](#)

MALAYSIA

2:44

**Politik Tempatan | Tiga penjurong, senario alah bias tegal biasa**

MALAYSIA

2:52

**Kes Rasuah | Apa nasib Rosmah Mansor?**

MALAYSIA

1:12

**Isu PdPR | Lewat hantar tugas garagara internet lemah**

MALAYSIA

7:09

**Peranan Kabinet dan parlimen dalam konteks darurat**

## Berita Terkini

[Lagi](#)

BISNES

**Ringgit dibuka tinggi sedikit berbanding dolar AS pagi ini**

MALAYSIA

**Rasuah projek hibrid solar: Rosmah diarah bela diri**

MALAYSIA

**COVID-19: N. Sembilan dan Sarawak catat kebolehhajatan tertinggi**

MALAYSIA

**Kerajaan negeri perlu keluar arahan henti aktiviti korek pasir Sungai Kelantan**

MALAYSIA

**Rosmah dan Najib tiba di Mahkamah berselang 5 minit**

**Dapatkan berita terkini melalui emel anda**



Emel Anda

DAFTAR

